

Perjuangan Tok Jebek dalam sejarah Kesultanan Pahang

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD 14 Julai 2022, 8:30 am



ARIPIN Said (tengah) menunjukkan Bendera Tok Jebek dalam forum berkaitan ketokohan pahlawan Mat Kilau di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

BERA: Nama [Tok Jebek](#) atau Panglima Gajah Tunggal Datuk Setia pastinya tidak asing bagi 'orang lama' di negeri ini, namun dalam kalangan generasi muda, tentunya tidak mengenali siapa sebenarnya tokoh berkenaan.

Tok Jebek adalah anak kepada Imam Perang Mohd. Akil Bohor merupakan pembesar Berlapang pada zaman Sultan Pahang pertama kesultanan moden Pahang, Al-Marhum Sultan Ahmad Al-Muadzam Shah.

Tok Jebek selaku Panglima Gajah Tunggal Datuk Setia merupakan ketua panglima angkatan tentera kepada Wan Ahmad dalam perang saudara Pahang, juga dikenali sebagai Perang Bendahara dari 1857 hingga 1863.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Jawatankuasa Kerjaya, Pengangkutan dan Kesihatan negeri, Datuk Seri Norolazali Sulaiman berkata,

berdasarkan fakta itu, Tok Jebek seorang tokoh penting dan banyak berjasa dalam sejarah ketamadunan Pahang dan negara dalam akhir abad ke-19 dan 20. “Melalui jasa dan kehebatannya memimpin pasukan perang membantu lahirnya kesultanan Melayu Pahang,” katanya selepas Majlis Bual Bicara Sejarah Bera bersama pewaris sejati Pahlawan Pahang itu, di sini semalam.

Norolazali berkata, jasa Tok Jebek kepada Al-Marhum Sultan Ahmad mendorong baginda melantik Tok Jebek sebagai Orang Besar Berlapan dan dianugerahkan ‘Bendera Kuasa’ secara turun-temurun.

Katanya, bendera pusaka tinggalan Tok Jebek berusia lebih 154 tahun anugerah Sultan Ahmad masih disimpan oleh piutnya, Prof. Datuk Dr. Aripin Said, anak kelahiran Kampung Bohor di daerah ini.

Sementara itu Aripin berkata, Tok Jebek dilahirkan di Kampung Bohor pada 1842 dan berangkat ke Mekah pada 1924 menunaikan fardu haji, kemudiannya tinggal di Tanah Suci mendalami ilmu Islam serta dikhabarkan turut menjadi guru di sana.

Beliau berkata, sebuah Persatuan Sejarah Daerah Bera perlu ditubuhkan bagi mendokumentasi sejarah Tok Jebek dan lain-lain tokoh pahlawan dan ulama di daerah ini.

Beliau berkata, Tok Jebek menerima bendera anugerah Sultan Ahmad di Istana Pulau Tawar pada 1867 bagi mengenang jasanya terlibat dalam perang saudara di Pahang dan perang Kelang di Selangor (1869-1873). Katanya, bendera tersebut merupakan sehelai kain kapas berwarna hijau mempunyai logo grafik bunga melur empat kelopak berwarna putih.

Menurutnya, warna hijau membawa maksud negeri ini aman dan makmur, manakala empat kelopak bunga melur adalah kawasan pentadbiran Tok Jebek di wilayah Bohor iaitu timur, barat, utara dan selatan.

Tambah beliau, keakraban Sultan Ahmad dengan Tok Jebek terbukti apabila baginda meminjam baju panglimanya itu kerana baju rasmi tertinggal di Pekan dalam Persidangan Raja-Raja Melayu (Durbar) pertama 1897, di Istana Negara, Kuala Kangsar Perak. – [UTUSAN](#)